



## SOALAN-SOALAN LAZIM

### PROGRAM MODENISASI RANTAIAN NILAI AGROMAKANAN (PMRNA)

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah Program Modenisasi Rantai Nilai Agromakanan (PMRNA)?	<p>Program Modenisasi Rantai Nilai Agromakanan (PMRNA) merupakan kemudahan pembiayaan yang ditawarkan melalui Agrobank selaras dengan tumpuan ke atas pertanian pintar dan bernilai tinggi dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 oleh pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Dasar Agromakanan Negara 2.0. Program ini memberi penekanan kepada pemodenan sektor pertanian dan industri makanan di sepanjang rantai nilai agromakanan melalui peningkatan penggunaan automasi dan teknologi yang berteraskan Revolusi Industri Keempat 4.0 (4IR).</p> <p>Pembiayaan boleh diberikan melalui dua model iaitu pertanian kontrak dan pertanian bukan kontrak, di mana penilaian kredit bagi permohonan ini adalah tertakluk kepada penilaian oleh Agrobank</p>
2	Apakah skop pembiayaan di bawah Program Modenisasi Rantai Nilai Agromakanan (PMRNA)?	<p>Skop pembiayaan ini melibatkan kemudahan pembiayaan di bawah konsep syariah (<i>Tawarruq</i>) yang melibatkan pembiayaan bagi kos berkaitan pembelian aset, kos pembangunan dan kos modal kerja bagi sektor pertanian dan industri makanan dengan penggunaan teknologi dan automasi yang berteraskan 4IR yang lebih efisien dan seterusnya dapat membantu meningkatkan hasil perniagaan/projek. Antara skop pembiayaan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pembelian peralatan atau teknologi bagi memacu peningkatan pengeluaran hasil dengan kualiti yang lebih tinggi berbanding dengan kaedah konvensional;</li> <li>ii. Mendapatkan teknologi dan sistem yang telah digunakan oleh mana-mana projek sedia ada dan diperakukai hasil dan/atau;</li> <li>iii. Modal bagi memperluaskan skop perniagaan dan pelaksanaan teknologi mesti menangani peningkatan penggunaan teknologi dan automasi berteraskan 4IR.</li> </ul>
3	Bagaimanakah permohonan pembiayaan boleh dilakukan?	Permohonan pembiayaan boleh dilakukan di mana-mana cawangan Agrobank yang berhampiran dengan lokasi perniagaan pemohon.
4	Siapakah yang layak memohon pembiayaan di bawah program ini?	<p>Syarat Am</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Individu berumur 18 tahun (semasa permohonan) sehingga berumur 60 tahun (pada tempoh matang);</li> <li>ii. Individu dan bukan individu;</li> <li>iii. Bagi bukan individu, organisasi 51% hak milik warganegara Malaysia berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis Malaysia seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (perusahaan, perkongsian, Sdn Bhd) atau mana-mana agensi yang diluluskan oleh MAFI (seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia) yang beroperasi di Malaysia.</li> <li>iv. Perniagaan yang diusahakan adalah patuh Syariah.</li> <li>v. Penilaian kredit adalah berdasarkan penilaian Bank (CCRIS, CTOS, analisis kewangan, dll);</li> <li>vi. Tiada proses kebankrapan atau dinyatakan muflis atau di bawah proses penghakiman.</li> </ul>



## SOALAN-SOALAN LAZIM

### PROGRAM MODENISASI RANTAIAN NILAI AGROMAKANAN (PMRNA)

NO.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>vii. Skala operasi yang setara sesuai bagi tujuan komersial (kesesuaian skala operasi tertakluk kepada jenis projek pertanian), sekiranya berkaitan.</p> <p>viii. Hasil/produk adalah bertujuan untuk penjualan domestik atau eksport.</p> <p>ix. Kegiatan perniagaan di bawah ruang/lot yang didaftarkan secara komersial menurut AKTA 172 (Bahagian IV Kawalan Perancangan, Seksyen 18) dan/atau tindakan yang relevan yang berkaitan dengan penggunaan tanah untuk pertanian.</p> <p>x. Teknologi yang akan digunakan berlandaskan Revolusi Industri Keempat (4IR) dan telah disahkan oleh Pengesah Teknologi atau Jawatankuasa Kerja.</p> <p>xi. Usahawan telah menjalani kursus/taklimat bersama syarikat peneraju atau Pengesah Teknologi atau syarikat pembekal teknologi, sekiranya perlu.</p> <p>xii. Perluasan perniagaan dengan penggunaan teknologi yang telah disahkan mestilah mampu meningkatkan produktiviti sektor pertanian.</p> <p>Syarat Khusus:</p> <p><u>Model Pertanian Kontrak</u></p> <p>Syarikat Peneraju :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kriteria syarikat peneraju mestilah memenuhi syarat-syarat di bawah Program Berkelompok dan Ladang Kontrak.</li> <li>• Sebelum permohonan pembiayaan oleh usahawan naungan dilaksanakan, syarikat peneraju mestilah telah menandatangani Perjanjian Rakaniaga Strategik bersama Agrobank.</li> </ul> <p>Usahawan naungan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Usahawan naungan hendaklah telah menerima surat tawaran dari syarikat peneraju.</li> </ul> <p><u>Model Pertanian Bukan Kontrak</u></p> <p>Pembekal Teknologi</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Operasi perniagaan dalam bidang yang sama sekurang-kurangnya 3 tahun; dan/atau</li> <li>• Mempunyai maklumat pendaftaran syarikat SSM atau persijilan pengedar tunggal/ pengedar yang masih sah atau berkuatkuasa.</li> <li>• Pematuhan standard atau persijilan seperti SIRIM/ISO/MyGap adalah satu kelebihan.</li> </ul>



# SOALAN-SOALAN LAZIM

## PROGRAM MODENISASI RANTAIAN NILAI AGROMAKANAN (PMRNA)

NO.	SOALAN	JAWAPAN																		
		<p>Usahawan (tidak terikat dengan syarikat peneraju)/ syarikat peneraju</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Operasi perniagaan dalam bidang yang sama sekurang-kurangnya 3 tahun (*Sekiranya usahawan kurang dari 3 tahun, pengalaman pembekal teknologi yang memberikan khidmat nasihat, bantuan teknikal, dan juga perkhidmatan selepas jualan (after sales service) kepada boleh diambil kira); dan/atau</li> <li>Mesti menghasilkan sekurang-kurangnya 2 kitaran aktiviti pertanian yang sama yang boleh dibuktikan melalui penyata rekod jualan atau dokumen berkaitan yang boleh diterima oleh Agrobank.</li> </ul>																		
5	Apakah jenis produk pembiayaan yang ditawarkan?	<p>i. <b>Pembiayaan Modal Kerja-i (MK-i)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk menyediakan perbelanjaan operasi tetapi tidak terhad kepada kos untuk pembelian benih, baja, penyelenggaraan dan utiliti sistem, gaji pekerja, <i>overhead cost</i> dan lain-lain yang berkaitan dengan operasi ladang.</li> </ul> <p>ii. <b>Pembiayaan Berjangka-i / Term Financing-i (TF-i)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk menyediakan perbelanjaan modal tetapi tidak terhad kepada kos input untuk pembelian benih, baja, peralatan teknologi, pemerolehan bahan untuk penanaman pertanian pintar.</li> </ul>																		
6	Berapakah tempoh kemudahan pembiayaan di bawah skim ini?	Maksima sehingga 10 tahun (120 bulan) termasuk tempoh moratorium maksima selama 12 bulan; tertakluk kepada keperluan projek/unjuran aliran tunai dan/atau keperluan lain-lain. Juga akan mengambil kira jangka hayat teknologi yang digunakan.																		
7	Berapakah kadar keuntungan dikenakan kepada pelanggan?	Kadar efektif 3.5% setahun atas baki bulanan.																		
8	Berapakah had pembiayaan yang boleh dimohon?	<p>Sehingga 100% daripada jumlah kos termasuk kos sampingan (contoh: takaful, duti setem, dan lain-lain) tertakluk kepada jumlah maksimum seperti yang berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;"><b>Perusahaan Mikro</b></th><th style="text-align: center;"><b>Kontrak</b></th><th style="text-align: center;"><b>Bukan Kontrak</b></th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">Minimum</td><td style="text-align: center;">RM10,000</td><td style="text-align: center;">RM10,000</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">Maksimum</td><td style="text-align: center;">RM500,000</td><td style="text-align: center;">RM500,000</td></tr> <tr> <th style="text-align: center;"><b>Perusahaan Kecil dan Sederhana</b></th><th style="text-align: center;"><b>Kontrak</b></th><th style="text-align: center;"><b>Bukan Kontrak</b></th></tr> <tr> <td style="text-align: center;">Minimum</td><td style="text-align: center;">RM30,000</td><td style="text-align: center;">RM50,000</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">Maksimum</td><td style="text-align: center;">RM1,000,000</td><td style="text-align: center;">RM1,000,000</td></tr> </tbody> </table> <p>Amaun pembiayaan iaitu jumlah pembiayaan agregat bagi kedua-dua CAPEX dan/atau OPEX dan pembiayaan kepada PKS dengan pemegang saham yang sama dengan pegangan saham &gt;20% tidak boleh melebihi had pembiayaan maksimum yang ditetapkan untuk PKS dan Perusahaan Mikro.</p>	<b>Perusahaan Mikro</b>	<b>Kontrak</b>	<b>Bukan Kontrak</b>	Minimum	RM10,000	RM10,000	Maksimum	RM500,000	RM500,000	<b>Perusahaan Kecil dan Sederhana</b>	<b>Kontrak</b>	<b>Bukan Kontrak</b>	Minimum	RM30,000	RM50,000	Maksimum	RM1,000,000	RM1,000,000
<b>Perusahaan Mikro</b>	<b>Kontrak</b>	<b>Bukan Kontrak</b>																		
Minimum	RM10,000	RM10,000																		
Maksimum	RM500,000	RM500,000																		
<b>Perusahaan Kecil dan Sederhana</b>	<b>Kontrak</b>	<b>Bukan Kontrak</b>																		
Minimum	RM30,000	RM50,000																		
Maksimum	RM1,000,000	RM1,000,000																		



## SOALAN-SOALAN LAZIM

### PROGRAM MODENISASI RANTAIAN NILAI AGROMAKANAN (PMRNA)

NO.	SOALAN	JAWAPAN
9	Berapakan margin pembiayaan?	Sehingga 100% kos projek (termasuk takaful, setem duti dan lain-lain yang berkaitan) dan tertakluk kepada penilaian kredit dan jenis kemudahan yang ditawarkan.
10	Bagaimakah wang pembiayaan akan disalurkan?	Secara sekaligus atau berperingkat (mengikut progres kerja) kepada akaun pembekal yang telah dilantik dan dipersetujui atau syarikat peneraju (dibawah pertanian kontrak) atau pelanggan, tertakluk kepada perjanjian/terma dan syarat pembiayaan.
11	Apakah kriteria teknologi yang boleh dibiayai di bawah Program ini?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jenis teknologi yang akan digunakan mestilah dikelaskan berteraskan 4IR dan telah disahkan/diulas oleh Pengesah Teknologi/ Jawatankuasa Kerja yang diiktiraf oleh Agrobank.</li> <li>• Hanya pembekal teknologi yang disahkan oleh Pengesah Teknologi/ Jawatankuasa Kerja dapat membekalkan infrastruktur teknologi di bawah PMRNA.</li> <li>• Pembekal teknologi yang telah dinilai dan disahkan oleh Pengesah Teknologi/ Jawatankuasa Kerja akan disenaraikan dalam Direktori Teknologi 4IR Sektor Agromakanan. Sekiranya pembekal teknologi belum tersenarai, pembekal teknologi hendaklah menghubungi MAFI melalui email (<a href="mailto:admin.bpp@mafi.gov.my">admin.bpp@mafi.gov.my</a>) untuk proses penilaian teknologi.</li> <li>• Pemohon hendaklah mendapatkan dokumentasi berkaitan seperti pengesahan teknologi / pensijilan / laporan / sebutharga sebelum memulakan permohonan kemudahan pembiayaan PMRNA di Agrobank.</li> <li>• (Sekiranya pemohon (usahaawan) yang membangunkan teknologi sendiri (mempunyai projek rintis) dan ingin mendapatkan kemudahan pembiayaan PMRNA, usahawan tersebut hendaklah menghubungi MAFI (<a href="mailto:admin.bpp@mafi.gov.my">admin.bpp@mafi.gov.my</a>) untuk proses penilaian teknologi.</li> </ul>
12	Apakah dokumen yang diperlukan bagi tujuan permohonan?	<p>Borang permohonan kemudahan pembiayaan yang lengkap.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Salinan kad pengenalan pemohon dan pemohon bersama (bagi permohonan bersama).</li> <li>• Penyata akaun simpanan bank atau rekod jualan perniagaan bagi tempoh 6 bulan terkini.</li> <li>• Salinan pendaftaran perniagaan atau lesen peniagaan bagi perniagaan yang melibatkan premis tetap.</li> <li>• <i>Technology validation report/ laporan /ulasan pengesahan teknologi dari technology validator / jawatankuasa kerja yang telah dilantik oleh MAFI.</i></li> <li>• Sebut harga daripada pembekal teknologi yang telah dikenalpasti dan disahkan oleh <i>technology validator / jawatankuasa kerja</i>.</li> <li>• Surat tawaran penyertaan projek daripada syarikat peneraju (dibawah Pertanian Kontrak)</li> <li>• Lain-lain dokumen sokongan yang diperlukan di bawah program ini.</li> </ul>



## SOALAN-SOALAN LAZIM

### PROGRAM MODENISASI RANTAIAN NILAI AGROMAKANAN (PMRNA)

NO.	SOALAN	JAWAPAN
13	Bagaimanakah cara bayaran kemudahan pembiayaan ini perlu dilakukan?	<p>Secara ansuran bulanan melalui mana-mana saluran berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Arahan tetap (SI);</li> <li>ii. Deposit tunai (CDM);</li> <li>iii. <i>Online transfer (automated teller machine (ATM) atau melalui perbankan internet);</i></li> <li>iv. Melalui kaunter mana-mana cawangan agrobank.</li> </ul>
14	Dimanakah saya boleh mendapatkan keterangan lanjut dan borang permohonan?	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476;</li> <li>ii. Layari laman sesawang rasmi Agrobank <a href="http://www.agrobank.com.my">www.agrobank.com.my</a> ;</li> <li>iii. Kunjungi cawangan Agrobank yang berdekatan;</li> <li>iv. Layari media sosial rasmi Agrobank <i>Facebook, Instagram, Twitter</i>.</li> </ul>